



**PESERTA dan sukarelawan Kejohanan Mini Olahraga UMS merakamkan gambar kenangan.**

# Kejohanan Mini Olahraga UMS dapat sambutan

UB 30.11.2018 AH

KOTA KINABALU : Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Fakulti Psikologi Dan Pendidikan telah menganjurkan Kejohanan Mini Olahraga di sini baru-baru ini.

Kejohanan ini diadakan pada setiap tahun dan terbuka kepada semua pelajar sepenuh masa sahaja.

Seramai 75 pelajar telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini yang mana terbahagi kepada dua kategori iaitu lelaki dan perempuan.

Antara acara yang dipertandingkan ialah 100,200m, 400m, 800m, 1500m, lompat jauh, lompat kijang, lompat tinggi, rejam lembing, lontar peluru serta lempar cakera.

Kejohanan ini telah berlangsung di Kompleks Sukan UMS dan seramai 60 sukarelawan telah menjadi tulang belakang kepada kejohanan ini. Sukarelawan terdiri daripada pelajar tahun 2 jurusan Sains Sukan dan Volumes (Volunteer UMS).

Bagi acara 100 m dan 200m perempuan



**PESERTA saringan acara 100m perempuan bersedia mengambil tempat.**



**PENYAMPAIAN hadiah pemenang acara 200m perempuan yang disampaikan oleh Azman dan diiringi oleh Charles.**

telah dimenangi oleh Dayang Khairunnisa binti D. Kamarudin dengan catatan masa 14:53 saat dan 31:60 saat. Ini amat membanggakan kerana beliau merupakan salah seorang pelajar Sains Sukan tahun 1. Pada kejohanan ini sebahagian peserta terdiri daripada pelajar Sains Sukan tahun 1, 2 dan 3 dan hampir kesemua acara telah didominasi oleh pelajar Sains Sukan UMS.

Acara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Asyraf Fong Abdullah selaku Pengarah Pusat Sukan UMS.

Charles Thomas selaku pegawai belia dan sukan kanan mengatakan kejohanan ini merupakan satu platform untuk para pelajar untuk mengetengahkan bakat mereka disamping memilih atlet yang berpontesi untuk bertanding di peringkat lebih tinggi mewakili UMS. Beliau juga mengatakan walaupun kejohanan ini berlangsung serentak dengan Kejohanan Sabah Athletics 65th Open Championship namun kejohanan ini tetap mendapat sambutan yang agak memberangsangkan berbanding pada tahun sebelumnya.